



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI JUMAAT, 05 SYAABAN 1442 / 19 MAC 2021
(HARI KELIMA)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE06A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan hala tuju anggaran perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:
 - i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
 - Menyoalkan berapa jumlah penduduk Kampong Ayer, apakah perancangan peruntukan yang dipohonkan tahun ini, dan siapa yang bertanggungjawab dalam hal ehwal penjagaan Kampong Ayer seperti memajukan Kampong Ayer dari segi perekonomian.
 - ii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit
 - Mencadangkan bagi diadakan pemberigaan berkaitan prosedur pemeliharaan anjing bagi pemilik anjing berlesen dan mendidik orang ramai terhadap kewujudan anjing liar di kawasan dalam bandar dan kejiranan.

- Menyoalkan sekiranya ada cadangan bagi mengadakan pegawai dan kakitangan untuk memantau dan merealisasikan amalan kerja berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) tangkapan anjing dan kucing terbiar.
 - Menyoalkan pihak yang bertanggungjawab untuk pembayaran tangkapan anjing dan kucing, dan mencadangkan untuk dibuat dengan harga tawaran.
- iii. Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh
- Menyarankan untuk memaksimumkan penggunaan tanah perkuburan yang ada pada masa sekarang dan yang akan datang.
 - Berharap agar pihak berkenaan akan mempertimbangkan cadangan untuk membina krematorium dan kolumbarium di Kampong Kiudang demi membantu memberikan kemudahan kepada masyarakat-masyarakat dan dapat difaedahkan sama rata tanpa mengira bangsa dan agama.
- iv. Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Seri Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu
- Memohon pencerahan mengenai langkah-langkah untuk menangani sekatan pengambilan pembantu rumah baru.
 - Menyoalkan apa usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menambahbaik perkhidmatan-perkhidmatan bandaran seperti pembuangan sampah, pembersihan bandar dan lanskap serta mencadangkan agar ia dikaji semula supaya lebih setimpal dengan pembayaran cukai pintu yang tinggi.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu
- Ingin mengetahui langkah-langkah yang di ambil berkaitan bengkel asas kepimpinan masyarakat bagi bakal-bakal calon penghulu dan ketua kampung yang pernah dilaksanakan sebelum ini.
 - Cadangan bagi pemberian elaun kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk dinilai semula dan diberikan mengikut keperluan dan pertimbangan khas.
 - Cadangan untuk menilai semula skim perkhidmatan penghulu dan ketua kampung.

- Cadangan bagi menyambung semula pemangku-pemangku penghulu dan ketua kampung yang telah tamat perkhidmatan sehingga ada penggantinya.
 - Ingin mengetahui sejauh mana perancangan dan inisiatif program 'Satu Kampung Satu Keluarga' dapat dilaksanakan.
- vi. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Siput
- Ingin mengetahui akan status *zoning* mukim-mukim di Negara Brunei Darussalam
 - Menimbulkan mengenai peruntukan Lembaga Kuala Belait dan Seria, dan berharap pemulihan tandas awam di Pekan Seria dan Belait untuk dimasukkan dalam peruntukan.
 - Mencadangkan bagi penswastaaan pemeliharaan tandas awam dan seterusnya menubuhkan satu unit rondaan bagi memantau keselamatan kemudahan awam.
 - Memohonkan pertimbangan bagi membuka semula tamu-tamu di ke-empat daerah terutamanya di kawasan tamu Pekan Belait.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong
- Memohonkan bagi memperuntukkan kewangan untuk membina gerai kekal di Daerah Tutong bagi menggantikan gerai sementara, khususnya tamu di Kawasan Lapang berhadapan dengan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong.
 - Menyoalkan mengenai kadar yuran agensi pengambilan pembantu rumah yang kian meningkat terutamanya sejak penularan wabak COVID-19.
- viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari
- Mencadangkan bagi menggiatkan usaha membanteras pelanggaran peraturan dan undang-undang Jabatan Buruh.
 - Mencadangkan untuk mengadakan pelan tindakan jangka panjang berkaitan projek 1 Kampung 1 Produk (1K1P) di setiap daerah dalam merealisasikan projek-projek untuk mencapai tahap komersial, dan seterusnya mencadangkan bagi diperbantukan melalui kerjasama Private Public Partnership (PPP)

- ix. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari
 - Menyoalkan sama ada penelitian Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampong telah dibuat untuk memberi peluang kepada kaum wanita.

- x. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim
 - Menimbulkan mengenai kesulitan untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, dan menyarankan untuk pengurusan atasan untuk mengambil tindakan bersesuaian.
 - Selaras dengan pemberian *enforcement allowance*, diharap untuk meningkatkan aspek-aspek penguatkuasaan undang-undang dan membanyakkan operasi-operasi.

- xi. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung
 - Menimbulkan mengenai penguatkuasa undang-undang Daerah dan Bandaran, dan mencadangkan perkara berikut:
 - i) Untuk menambah pegawai penguatkuasa;
 - ii) Meluaskan skop tugas;
 - iii) Pegawai-pegawai penguatkuasa supaya diperkasakan dengan ilmu pengetahuan dan pendedahan berkaitan penguatkuasaan.

- xii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin
 - Berharap bagi pemantauan kebersihan di kawasan di bawah Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria untuk diberi perhatian.
 - Menyoalkan berkaitan peruntukan bagi pemulihan, pengubahsuaian dan pembaikan saluran longkang di Kuala Belait dan Seria untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

- xiii. Yang Berhormat Awang Naim bin Kamis
 - Ingin mengetahui bilakah dijangkakan pembangunan Kampong Ayer akan bermula dan seterusnya tempoh dijangka siap pembinaannya.
 - Mencadangkan supaya petak-petak atau pondok-pondok di Pasar Gadong untuk dibukakan

kepada pihak-pihak swasta atau persendirian yang berminat untuk memajukannya secara komersial.

xiv. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

- Ingin mengetahui hala tuju dan perancangan Jawatankuasa Pandu 1 Kampung 1 Produk yang telah ditubuhkan sejak 2017.
- Mencadangkan untuk mewujudkan sebuah bangunan bagi jualan barangan 1 Kampung 1 Produk.
- Menyoalkan dimanakah tempat perlindungan bagi anjing-anjing liar yang telah ditangkap serta apakah boleh diwujudkan sebuah skuad untuk mengawal anjing-anjing liar itu.
- Ingin mengetahui pendekatan yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengatasi masalah pengisian jawatan ketua-ketua kampung.
- Mencadangkan bagi pihak berkenaan mencari jalan untuk menarik minat para belia dan lepasan graduan untuk mengisi jawatan penghulu mukim atau ketua kampung menerusi *engagement* seperti jerayawara dan taklimat.

xv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad

- Mencadangkan bagi manpower consolidation bagi *enforcement* kementerian dan jabatan.
- Mencadangkan bagi penswastan ruang-ruang perniagaan yang kosong.
- Menyarankan untuk membangun keusahawanan sebagai satu usaha untuk memberi peluang perniagaan kepada orang tempatan.

2.1.4. Tajuk SE01A hingga tajuk SE06A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA 20 MAC 2021 JAM 9.30 PAGI]
